



# Soal Jawab Agama

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA' dari pelbagai sumber (majalah dan internet). Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih difahami dan sesuai untuk bacaan umum.

## SOALAN 1

Suami saya agak kasar dalam mendidik anak. Maksud saya dalam usia yang tidak sepatutnya anak-anak dipukul, dia akan menghukum anak yang membuat silap dengan memukul sama ada dengan objek seperti buku, rotan atau penyangkut baju. Berkali-kali saya melarang dan terangkan tindakan itu salah. Apa jalan terbaik saya untuk mengubah perangai suami?

## JAWAPAN 1

Mendidik anak adalah tanggungjawab kedua-dua ibu bapa. Dalam mendidik, beberapa kaedah perlu dipelbagaikan. Kaedah tegur, menghukum dan memukul juga perlu, begitu juga dengan memujuk. Semua ini perlu dipelbagaikan mengikut keadaan. Anak perlu dididik rasa takut, rasa sayang dan hormat pada ibu bapa. Bagaimanapun, jika hanya satu kaedah sahaja digunakan seperti memukul anak tersebut, ia akan merosakkan anak tersebut. Berpakatlah antara suami isteri dengan baik supaya anak tersebut tidak rosak di masa akan datang bila terlalu kerap dipukul. Besar kemungkinan suami juga mempunyai sejarah tersendiri ketika zaman kanak-kanak. Jalan terbaik ialah berbincang suami isteri berkaitan hal pendidikan anak. Wallahu a'lam

## SOALAN 2

Setiap kali tibanya tahun baru, saya akan tanam azam untuk mencapai apa yang saya idamkan. Namun mungkin belum rezeki saya untuk dikurniakan anak setelah lima tahun berumahtangga. Saya sedih, tapi Alhamdulillah emak banyak memberi sokongan. Saya dan suami pernah mendapatkan perkhidmatan doktor pakar dan antara kami tidak ada masalah dan katanya memang ada peluang untuk saya hamil. Kadang-kadang saya salahkan diri sendiri dan kerap kali menangis. Apa cara saya untuk kuatkan diri agar sentiasa berfikir positif dan tidak putus asa.

## JAWAPAN 2

Anak adalah antara rezeki dan anugerah Allah s.w.t. yang diberikan kepada siapa yang dipilih-Nya. Keinginan mendapat anak bukan saja dirasai oleh manusia biasa bahkan sejarah menunjukkan bahawa para anbiya juga merintih berdoa memohon dikurniakan anak oleh Allah s.w.t. Nabi Ibrahim dan Nabi Zakaria sendiri bertahun-tahun berdoa memohon kepada Tuhan diberikan rezeki dan hanya setelah beberapa tahun dan masa yang panjang saja dikurniakan Allah s.w.t. Ingatlah bahawa Allah akan makbulkan setiap permintaan kita. Apa yang penting, teruskan berdoa dengan harapan yang tinggi. Dalam masa yang sama gunakan waktu yang ada untuk mengisi dengan

pekerjaan yang berfaedah dan jangan terlalu berfikir bila akan disempurnakan permohonan ini. Jika ada ruang dan kemampuan cubalah mendapatkan anak angkat untuk dibela dahulu moga Allah memudahkan rezeki bila kita menolong orang lain. Wallahu a'lam

## SOALAN 3

Apakah ubatnya untuk mengatasi masalah malas untuk melalukan solat lima waktu?

## JAWAPAN 3

Solat adalah tuntutan yang wajib dilakukan oleh setiap orang yang sudah baligh. Namun al-Quran sendiri ada menyatakan bahawa ia sangat berat bagi sesetengah orang kerana tidak biasa melakukannya. Saya pernah mendengar pesan orang tua-tua jika kita melakukan solat sehingga 40 waktu yakni 8 hari berturut-turut tanpa ditinggalkan sekalipun insya-Allah ia akan mudah melekat dalam diri seseorang. Wallahu a'lam. Apa yang penting jika dikaji kelebihan solat dari segi ketenangan minda dan kesihatan fizikal serta sudut sains pastinya kita tertarik untuk melakukan solat tersebut. Lumrahnya manusia tertarik melakukan sesuatu amalan jika dia faham tentang fadhilatnya. Jadi perlu seseorang itu faham akan tuntutan agama itu sendiri.

## SOALAN 4

Apabila ada tetamu datang ke rumah, ketika waktu solat Subuh, tetamu tadi terlewat sedar. Apakah hukumnya bagi tuan rumah yang tidak berusaha untuk kejutkan tetamu tadi untuk solat Subuh? Adakah dosa meninggalkan solat tadi turut diterima oleh tuan rumah?

## JAWAPAN 4

Undang-undang Islam jelas menggariskan iaitu tidak ada orang yang akan menanggung dosa orang lain, begitu juga wajib bagi orang Islam untuk berdakwah dengan menyuruh kepada makruf dan mencegah mungkar. Apabila tetamu meninggalkan solat Subuh, maka itu adalah tanggungjawab dirinya untuk menunaikan solat tersebut. Tuan rumah pula mempunyai tanggungjawab mengajak kepada kebaikan dengan mengingatkan tetamu tentang waktu solat dengan penuh hikmah. Sebaiknya dalam soal ini usah difokuskan pada siapa yang berdosa dan pada siapa patut berkongsi dosa. Apa yang jelas di sini ialah yang meninggalkan fardhu ain secara sengaja adalah berdosa dan jika terlepas solat secara tidak sengaja seperti tertidur dia wajib qadak dan memohon ampun ke atas kelalaianya. Wallahu a'lam

## SOALAN 5

Saya mempunyai kemosyikan tentang kebanyakannya cara wanita yang bertudung hanya separuh sahaja dan menampakkan rambut. Apakah pandangan Ustaz tentang perkara ini dan adakah ianya berdosa?

## JAWAPAN 5

Penjelasan tentang batas aurat wanita amat jelas dalam hadis yang disabdarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Asmak iaitu: "Wahai Asmak, apabila seseorang wanita itu sudah baligh, maka haram tubuhnya dilihat kecuali ini (dan Baginda menunjukkan pada muka dan tapak tangan)". Maka dengan ini jelaslah bahawa aurat seorang wanita ialah seluruh tubuhnya dan dia hanya boleh memperlihatkan tangan dan mukanya. Istilah muka yang wajib ditutup termasuklah rambutnya. Jika bahagian yang wajib ditutup itu dinampakkan maka hukumnya berdosa. Tutuplah aurat kerana ia tuntutan agama dan dengan penuh rasa kefahaman tentang hikmah kewajipan itu sendiri.

## SOALAN 6

Saya mempunyai kemosyikan mengenai bab puasa. Ibu sahabat saya telah meninggal 3 tahun lepas, tetapi telah sakit dan uzur 2 tahun sebelumnya dan tidak larat untuk berpuasa.

Persoalannya ialah:

1. Jika anak-anak mahu mengantikannya, bolehkah dibahagi-bahagikan contohnya 60 hari dibahagi kepada 6 orang anak, yakni setiap seorang ganti 6 hari?

2. Jika kita bayar fidyah, adakah anak-anak masih kena puasa juga? Yakni bayar fidyah dan ganti puasa? Atau hanya perlu membayar fidyah dan tidak perlu ganti puasa.

## JAWAPAN 6

Qadha' puasa bagi mereka yang telah meninggal dunia ini ada 2 keadaan:-

a. Seseorang yang belum sempat mengganti puasanya oleh kerana dia berada di dalam kezuruan ketika itu seperti sakit, atau musafir, maka jumhur ulama' mengatakan, dia tidak memulih apa-apa tanggungan dan tidak dikira berdosa. Dengan kata lain, tidak perlu qadha' puasa, kerana baginya, puasa adalah sesuatu kefarduan yang belum sempat ditunaikannya.

b. Jika dia mati dalam keadaan dia boleh mengerjakan puasa ganti, di dalam hal ini kebanyakannya ulama' mengatakan walinya tidak wajib mengantikannya.

**"Apa yang penting perlu diingat ialah; janganlah kerana wang yang seberapa itu adik-beradik Bermasam muka dan tidak bertegur sapa sebagaimana biasa berlaku dalam masyarakat kita".**

Bagi Qaul Jadid Mazhab Syafie, tidak boleh seseorang itu menggantikan puasa orang lain, sama seperti solat. Menurut Mazhab Hanbali, hukum menggantikan puasa bagi waris adalah sunat ataupun mustahab (digalakkan). Menurut Mazhab Syafie (Qaul Jadid) dan Mazhab Hanbali, Wali wajib memberi makan bagi setiap puasa yang ditinggalkannya dengan secupuk makanan [al-Fiqh al-Islami, cet ke 3, 2/681].

Soalan 1 : Hadith dari 'Aisyah ra :-  
"Barangsiapa yang mati dan masih menanggung puasa, maka berpuasalah bagi pihak oleh walinya" -[Hadith Muttafaq 'alaik, al-Lu'u'wa al-Marjan, ms 704].

Syiekh Dr Yusuf al-Qaradhawi menjelaskan bahawa pewaris hanyalah sunat atau mustahab mengqadha'kan bagi pihak ibu atau bapa yang telah meninggal. Waris itu termasuklah anak-anak yang bersedia berpuasa bagi pihak ibu-bapanya. Sebagaimana yang dinyatakan, jika dibahagi-bahagikan puasa yang terhutang sebanyak 60 hari dengan 6 orang anak, maka setiap anak bolehlah melakukan 10 hari puasa qadha' bagi pihak ibu-bapanya.

Soalan 2 :  
Sebagaimana yang kami nyatakan di atas, maka bolehlah membayar fidyah ke atas hari-hari yang ditinggalkannya. Berkata Syeikh al-Qaradawi :- "Boleh memberi makan kepada fakir miskin bagi pihak si-mati, dengan menggunakan harta peninggalannya, sebanyak hari-hari yang ditinggalkannya, dengan dalil bahawa hutang kepada Allah dibayar dengan peninggalannya (hartanya), hutang kepada lebih berhak dibayarkan". [Fiqh al-Shiyaam, ms 76].

Jawatan Kuasa tetap fatwa Arab Saudi pernah ditanya mengenai seorang wanita tua yang tidak berupaya berpuasa di dalam bulan Ramadhan. Wanita tersebut berkeadaan terlalu tua dan sakit selama 3 tahun. Apa yang perlu dilakukan?

Jawabnya :  
"Jika begitu situasi yang dijelaskan, wanita tersebut wajib memberi makan kepada orang miskin pada setiap hari yang dia tidak berpuasa pada bulan Ramadhan pada masa 3 tahun tersebut, dengan memberi 1/2 sa' gandum, kurma, beras, jagung atau apa sahaja makanan ruji (asasi) yang anda memberi makan kepada keluarga." - [al-Lajnah al-Daa'imah 10/161].

Kesimpulannya, hendaklah membayar fidyah sebanyak hari yang ditinggalkan, dan tidak perlu lagi mengqadha'kan puasa tersebut. Wallahu a'l'am.

### **SOALAN 7**

Ibu saya baru saja meninggal dunia, sementara bapa saya telah meninggal dunia 17 tahun lepas. Ibu saya tinggal dengan adik lelaki saya yang telah berumahtangga, tapi belum mendapat anak. Soalan saya ialah, apakah yang harus dibuat dengan wang sedekah yang diterima? Abang saya ada mencadangkan disedekahkan wang itu dengan membelanjakannya membeli kitab al-Quran dan dilekatkan di masjid-masjid. Saya pula menerima wang sedekah itu dari jiran-jiran, teman-teman dan saudara-mara. Bolehkah saya sedekahkan wang itu atas nama ibu dan bapa saya ke masjid-masjid atau ke saluran-saluran yang lain, dan tidak menyerahkan kapada adik saya yang menjaga ibu saya.

### **JAWAPAN 7**

Jika sedekah disalurkan melalui wakil atau orang tengah, sedekah itu hendaklah disalurkan mengikut niat pemberi sedekah. Biasanya sedekah pada hari kematian bukanlah untuk si mati, akan tetapi diberikan untuk membantu keluarga si mati bagi menguruskan jenazah si mati atau sebagai tanda simpati kepada mereka atas kehilangan orang tersayang. Pada zaman Nabi s.a.w., tatkala Jaafar terkorban syahid di medan perang, Nabi s.a.w. menyuruh para sahabatnya untuk memasak makanan dan memberikan kepada keluarga Jaafar bagi mengurangkan kesedihan mereka. Oleh itu, sebaiknya wang sedekah itu digunakan bagi untuk pengurusan jenazah si mati dan jika berbaki hendaklah diberikan kepada keluarga si mati terutamanya orang yang tinggal bersama si mati dan menjaganya. Namun jika keluarga sepakat untuk menggunakan wang itu bagi disedekahkan kembali bagi pihak si mati (atau orang lain bersamanya), tidaklah menjadi halangan InsyaAllah. Apa yang penting perlu diingat ialah; janganlah kerana wang yang tidak seberapa itu adik-beradik bermasam muka dan tidak bertegur sapa sebagaimana biasa berlaku dalam masyarakat kita. Wallahu a'l'am.

### **SOALAN 8**

Apakah maknanya roh akan pergi dari rumah kita setelah 40 hari? Adakah ianya berkaitan sekali dengan kenduri tahlil? Banyak yang mengatakan rohnya pergi ke rumah anak-anak selama tempoh 40 hari tersebut. Adakah ini bidaah?

### **JAWAPAN 8**

Kepercayaan bahawa roh masih tinggal di dunia selepas mati kepercayaan tersebut bukanlah dari Islam. Dalam Islam, apabila seseorang itu meninggal rohnya akan berpindah ke alam Barzakh iaitu alam lain dari alam dunia ini. Tahlil yang dibuat tiada kaitan dengan kepercayaan salah

itu. Ia tidak lain hanyalah tawassul kita kepada Allah (dengan bacaan al-Quran, zikir, selawat dan sebagainya) untuk memohon dari Allah agar ia mengurniakan rahmat dan keampunan untuk si mati di alam Barzakh. Wallahu a'l'am.

### **SOALAN 9**

Berdosakah / derhakakah seorang anak lelaki yang mengambil berat akan ibu bapanya, tetapi ibu tersalah faham akan apa yang dicakapkan oleh anak terhadapnya (ibu terlalu mendengar kata anak-anak yang lain).

### **JAWAPAN 9**

Anak wajib berlaku baik kepada dua ibubapanya. Jika mereka miskin, wajib anak menafkahi mereka. Hendaklah sentiasa bertutur dengan baik di hadapan mereka, menjaga hati mereka dan menggunakan bahasa yang lunak jika ingin menegur mereka. Apabila ibu-bapa telah tua mereka kadangkala terlalu sensitif dan mudah tersentuh hati, maka ketika itu anak hendaklah banyak bersabar dan bertolak ansur. Jika berlaku situasi bermasam muka, mungkin kerana salah faham atau hasutan orang lain, anak hendaklah terlebih dahulu memohon maaf dan cuba membentulkan keadaan walaupun pada hakikatnya dia tidak bersalah. Di dalam hadis Rasulullah s.a.w. bersabda (maksudnya); "Sesiapa merendah diri kerana Allah, Allah akan mengangkat darjatnya" (Riwayat Abu Nu'a'im di dalam al-Hilyah dari Abu Hurairah r.a.). Wallahu a'l'am.

### **SOALAN 10**

Patutkah suami saya menceraikan saya atas desakan adik perempuannya dengan berkata "isteri boleh dicari tetapi mak seorang sahaja", demi menjaga keluarganya.

### **JAWAPAN 10**

Manusia, termasuk ibu atau bapa atau ahli keluarga, hanya boleh ditaati jika mereka menyuruh kepada kebaikan. Tidak harus suami mentaati mana-mana orang yang mendesaknya untuk menceraikan isterinya yang soleh yang tidak pernah nusyuz sama ada orang itu ibu, bapa atau sebagainya. Ada setengah ulamak mengharuskan suami menceraikan isterinya atas permintaan bapanya tetapi dengan syarat bapa adalah orang soleh dan menjadi tabiat orang soleh tidak akan menganai sesiapa tanpa sebab. Adapun jika bapa tidak soleh, tidak wajib mentaati kehendaknya itu. Menurut ulamak; tidak masuk dalam kategori kebaikan kepada ibubapa dengan mentaati mereka supaya menceraikan isteri yang baik dan tidak dinamakan anak durhaka jika si anak tidak mentaati ibu atau bapa supaya menceraikan isterinya tanpa sebab yang munasabah. Wallahu a'l'am.